

10/07/2002

Barisan Nasional tidak gentar Pas tonjol isu hudud

PENDANG, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Barisan Nasional (BN) tidak gentar dengan isu hudud yang dijangka digembar-gemburkan Pas pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, kerana rakyat tahu undang-undang itu tidak memberi keadilan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, BN tetap bangkitkan isu pembangunan dan rekodnya terbukti berjaya membawa pembangunan kepada rakyat di bandar dan luar bandar.

"Saya tahu, mereka (Pas) akan membangkitkan apa saja isu yang mereka fikir boleh meraih sokongan. Isu memang sentiasa diadakan untuk meraih undi. Tetapi kita dalam BN akan bercakap mengenai pembangunan.

"Saya rasa yang itu (pembangunan) lebih meyakinkan," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan jentera tenaga kerja BN di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang di sini, hari ini.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno ditanya sejauh mana isu Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang diluluskan DUN Terengganu semalam, boleh mempengaruhi pengundi pilihan raya kecil itu.

Katanya, BN dan Umno sedia menjawab pelbagai isu yang dibangkitkan Pas dan pada masa yang sama memberitahu rakyat kegagalan kerajaan Pas Terengganu dan Kelantan membawa pembangunan.

Katanya, rang undang-undang yang diluluskan itu mempunyai banyak kelemahan dan tidak menjamin keadilan.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, mengakui kekurangan kepakaran dan hakim untuk melaksanakan undang-undang itu.

"Bagaimana nak menguatkuasakan undang-undang sedangkan jentera belum cukup. Ini adalah satu undang-undang yang dibawa dengan cara kalam kabut oleh Pas.

"Niat mereka hanya untuk membuktikan mereka akan menang pilihan raya akan datang, tetapi tiada pembangunan di Terengganu dan Kelantan.

"Bagaimanapun biar rakyat sendiri yang akan membuat penilaian dan melihat betapa undang-undang itu tidak adil dan jelas ia juga menunjukkan sikap pemimpin Pas sendiri," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdullah berkata pemimpin Pas seperti tidak boleh ditegur tetapi mereka sendiri melemparkan pelbagai tuduhan terhadap pemimpin Umno, termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, orang Pas memaki hamun tetapi Perdana Menteri sendiri menyatakan bahawa tidak perlu untuk menjawab semua tuduhan itu.

"Perdana Menteri kata, jika kita ikut depa (memaki balik), maka hati kita macam depa juga. Biar Tuhan menentukan hukuman terhadap mereka. Tengok inilah cara pemimpin kita.

"Pemimpin BN membuat kebaikan untuk rakyat, bukan memaki hamun seperti orang Pas," katanya.